Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Kerajaan latih penjawat awam dalam disiplin baharu

Oleh Fahmy A Rosli - November 7, 2023 @ 11:13pm
fahmy.azril@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan pada Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) malam ini - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedia memperuntukkan antara RM30 juta hingga RM40 juta setahun untuk melatih penjawat awam meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang baharu mengikut kehendak semasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peningkatan kepakaran dalam kalangan penjawat awam, khususnya golongan muda akan membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan dalam bidang baharu.

Katanya, ia bagi mengelakkan kerajaan terpaksa bergantung kepada pakar atau perunding luar dalam melaksanakan tugas untuk rakyat yang memerlukan kos mencecah berbilion ringgit setiap tahun.

Beliau berkata kakitangan kerajaan terbabit boleh dihantar untuk latihan antara enam bulan ke setahun.

Untuk itu, beliau meminta supaya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed menyegerakan arahan itu dengan mengenal pasti penjawat awam yang layak untuk dihantar menghadiri program latihan yang sesuai dengan permintaan dan kehendak semasa.

Katanya, antara program atau disiplin yang beliau mahu diberi fokus sekarang adalah berkait bidang transformasi digital, kecerdasan buatan (AI), transisi tenaga, komunikasi, pertanian dan teknologi makanan, sekuriti siber, ketenteraan, kepolisan serta banjir bagi mempersiapkan penjawat awam dengan kepakaran sebegitu.

"Satu hal yang saya nak tekankan ialah kekuatan, keupayaan kita melaksanakan agenda perubahan dalam negara MADANI, terletak pada tonggaknya keupayaan penjawat awam.

"Apa yang kita putuskan baru-baru ini bersama Jemaah Menteri dan serta Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Mohd Zuki Ali) ialah mengembalikan kekuatan induk dan menyerahkan tugas pelaksanaan lebih berkesan tidak kepada konsultan luar tetapi penjawat awam.

"Untuk memastikan tahap keupayaan, keberkesanan, dalam mesyuarat dengan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam baru-baru ini, saya telah putuskan peruntukan yang cukup diberikan kepada tenaga muda dan juga berpengalaman dalam kalangan penjawat awam dengan memberikan latihan dan pendedahan sama ada di syarikat swasta atau universiti terkemuka untuk menjalani kursus khas.

"Lebih baik kita belanja lebih untuk melatih penjawat awam daripada menyelesaikan cara singkat dengan melantik konsultan asing dengan kos yang terlalu tinggi. Saya telah minta supaya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menyegerakannya.

"Maksud saya adalah ada bidang-bidang yang saya katakan iaitu penerokaan alam dan disiplin baharu. Kita bicara soal transformasi digital dan tidak semua kepakaran itu sedia ada. Kita bicara tentang transisi tenaga, semua itu menuntut kemahiran dan kepakaran baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) malam ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Sri Mohd Zuki; Dr Zulkapli dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Rodzi Md Saad.

Menyingkap hasil kunjungannya ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini, Perdana Menteri berkata terdapat universiti di Abu Dhabi yang menubuhkan fakulti berkaitan AI dan beliau turut mencadang kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin supaya membuka sebuah fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Jelasnya beliau, itu adalah persiapan untuk beberapa tahun mendatang terutama dalam mempersiapkan penjawat awam sedia ada dengan kemahiran dan pengalaman baharu.

"Mungkin jawatankuasa di bawah Ketua Setiausaha Negara patut menetapkan bidang perlu dikirim (menjalankan kursus khas) termasuk (pembabitan) agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kastam Diraja (JKDM) dan soal sekuriti siber.

"Sebab itu, perubahan dan peluang ini patut disegerakan dan saya tak boleh kenal pasti puluhan ataupun mungkin lebih puluhan bidang-bidang yang harus diterokai serta (apa) pendedahan yang diperlukan oleh penjawat awam.

"Saya mahu fokus ini diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan saya bagi jaminan tidak ada masalah (peruntukan) untuk segerakan diberikan latihan," katanya.